

27 OCT 2001

Mahathir-Afghanistan

MAHATHIR HARAP AMERIKA SYARIKAT HENTI MENGEBOM AFGHANISTAN

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa Amerika Syarikat supaya menghentikan gerakan mengebom Afghanistan kerana semakin ramai orang awam yang terkorban.

Beliau berharap Amerika akan menghentikan gerakan itu tanpa mengira sama ada di bulan Ramadan ataupun tidak.

Pengeboman itu mesti dihentikan dengan segera kerana tiada apa yang tercapai sehingga kini, kata Dr Mahathir pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang sekembalinya dari lawatan ke Korea Selatan.

Perdana Menteri singgah di Korea Selatan dalam perjalanan pulang setelah menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, China minggu lepas.

Dr Mahathir berkata sentimen Malaysia itu turut dikongsi negara-negara lain seperti Rusia, yang berpendapat bahawa usaha-usaha diplomatik perlu digerakkan untuk menyelesaikan konflik di Afghanistan.

Menurut Dr Mahathir lagi, Malaysia berpendirian bahawa tindakan mengebom Afghanistan hanya akan mengorbankan orang awam berbanding kumpulan sasaran, sama ada tentera Taliban mahupun anggota Al-Qaeda yang didakwa dipimpin Osama bin Laden.

"Setakat yang saya tahu belum ada satupun laporan yang dapat disahkan mengenai anggota Al-Qaeda yang terbunuh ekoran serangan itu," katanya.

Dr Mahathir mengulangi pendirian Malaysia bahawa tindakan mengebom Afghanistan bukan caranya untuk mengatasi masalah pengganas.

Beliau berkata cara yang terbaik ialah mengenal pasti punca di sebalik keganasan ini.

-- BERNAMA

AKT MFJ PR